



# PENYESUAIAN AKAUN HASIL



UNIT AKAUN (PENGURUSAN TERIMAAN)  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SARAWAK

# Apakah itu Penyesuaian Akaun Hasil?

- Satu proses di mana pihak pejabat pemungut dapat memastikan dan mengesahkan urusan-urusan hasil seperti yang ditunjukkan di dalam Buku Tunai Cerakinan (Kew 248/Kew 249) atau Laporan Akaun TK141 adalah sama seperti yang terdapat di dalam Laporan Terperinci Hasil C330 (flimsi) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembayar (JANM) atau Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).
- Proses ini dapat menerangkan sebab-sebab berlakunya perbezaan di antara urusan-urusan yang terdapat pada kedua-dua dokumen tersebut.

# Mengapa perlu penyesuaian?

1. Mematuhi kehendak AP 143 (b) dan Surat Pekeliling ANM Bil.2/86
2. Memastikan akaun sentiasa berbaki kredit.
3. Memastikan segala urusan akaun terimaan diperakaunkan dengan betul di peringkat pejabat pemungut.
4. Memastikan dan mengesahkan semua pungutan yang diterima oleh pejabat pemungut dibankkan mengikut AP 78
5. Memastikan adanya pengawasan daripada pegawai yang diberi kuasa ke atas pungutan yang diterima.
6. Memastikan Pejabat Pembayar juga mengakaunkan dengan betul sepertimana yang ditunjukkan di dalam Laporan Terperinci Hasil C330.

7. Melaporkan urusan-urusan yang tidak sah kepada pejabat pembayar supaya tindakan pelarasan selanjutnya dapat dilakukan.
8. Memastikan urusan-urusan yang sah yang belum direkod di Buku Tunai tetapi diakaunkan oleh Pejabat Pembayar, dapat direkod ke dalam Buku Tunai untuk menunjukkan jumlah pungutan sebenar.
9. Membantu pejabat pemungut untuk memberi maklumat yang tepat dan lengkap kepada pihak pengurusan.
10. Akaun Awam dapat menunjukkan butiran dan jumlah hasil yang tepat dan betul.

# Bila penyesuaian perlu dilakukan?

- Penyesuaian Akaun Hasil perlu dilakukan oleh Pejabat Pemungut sekurang-kurangnya *sekali* di dalam *sebulan* apabila Laporan Terperinci Hasil C 330 telah diterima daripada Pejabat Pembayar. Penyesuaian perlu dilakukan untuk setiap kod objek hasil.
- Perlu dikemukakan kepada JANM atau Pejabat Pembayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh terimaan salinan Laporan Terperinci Hasil C 330.

The words 'The End' are written in a large, elegant, black cursive font. The text is set against a light blue background that features a faint, stylized city skyline at the bottom. The overall composition is clean and professional.



# CONTACTS

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK

*Tingkat 6, Bangunan TDPT Haji Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
93594 Kuching  
Sarawak.*

*T : 082 254144*

*F : 082 256691*

*Portal : <http://portalpp.anm.gov.my/sarawak>*

*Excellent Accounting @ Your Service*



**Smart Detectives**